

SIKAP ZUHUD SEBENAR

# Akhirat dikejar, dunia tidak ditinggalkan



Prof Emeritus  
Datuk Zakaria  
Stapa

**D**

alam tulisan sebelum ini di ruangan ini tersimpul satu kesimpulan bahawa kehidupan yang lebih baik, lebih kekal dan mempunyai ciri kehidupan yang hakiki dalam ajaran Islam adalah merujuk kepada hidup akhirat bukannya hidup di dunia.

Sikap hidup mengutamakan akhirat daripada dunia ini diistilahkan dalam tradisi Islam sebagai sikap hidup zuhud. Hal ini disentuh secara sepintas lalu dalam tulisan sebelum ini. Oleh itu, dalam tulisan ini selok-belok dan ruang lingkup sikap hidup berkenaan akan diberikan sedikit pencerahan.

Berdasarkan pembacaan terhadap sejumlah literatur mengenai zuhud adalah jelas terdapat kefahaman yang keliru dalam memahami istilah ini. Sebagai contoh, ada orang yang berpendapat zuhud berarti tidak memiliki apa-apa.

Di samping terdapat yang menghubungkan istilah zuhud dengan persoalan sedikit makan, mengabaikan kepentingan jasad, berpakaian selekeh dan kumut masai.

Jadi, dikatakan gaya hidup zuhud tidak sesuai sama sekali dengan ajaran Islam yang progresif dan berdaya maju.

Bagi mendapatkan kefahaman yang tepat mengenai ruang lingkup istilah zuhud ini, pandangan tokoh ulama tersohor boleh dijadikan pedoman.

Pertama, al-Ghazali sebagaimana tercatat dalam kitab tersohor beliau iaitu Ihya' 'Ulum al-Din menjelaskan istilah zuhud pada dasarnya adalah merujuk kepada gambaran sikap seseorang memalingkan kegemarannya daripada 'satu perkara' kurang baik kepada 'satu perkara' lain yang lebih baik apabila perkara kurang baik itu ialah dunia, sedangkan perkara lebih baik pula ialah akhirat.

Dalam pandangan al-Ghazali sikap pemalangan ini diasaskan kepada keyakinan kehidupan akhirat adalah jauh lebih baik daripada kehidupan dunia sebagaimana sedia terungkap dalam penjelasan al-Qur'an dan al-Hadis.

Dalam lain perkataan, al-Ghazali malah menegaskan bahawa zuhud adalah sikap hidup yang mengutamakan akhirat daripada dunia atas asas hidup



KEINDAHAN dunia sememangnya memikat, tetapi akhirat jauh kekal abadi.

Sikap yang mengutamakan dunia hanya sementara, sementara di dunia maka mengabaikan hidup dunia semestinya akan merugikan hidup akhirat yang kekal abadi.

akhirat jauh lebih baik berbanding dunia sebagaimana ditegaskan oleh sumber Islam yang autoritatif iaitu al-Qur'an dan al-Hadis.

Kemudian, Ibn Taymiyyah, sebagaimana dicatat oleh Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah dalam Madarij al-Salikin menegaskan istilah zuhud merujuk kepada sikap hidup yang meninggalkan segala sesuatu yang tidak memberi manfaat kepada kehidupan akhirat.

Pernyataan ini bermakna semua kerja di dunia yang dalam ajaran Islam boleh memberi pahala dan kebaikan untuk kehidupan akhirat mestilah tidak ditinggalkan oleh seseorang zahid kerana bersifat zuhud.

Ini bermaksud kerja di dunia ini seperti meneroka ilmu sedalam mungkin untuk diwariskan bagi manfaat sejagat, pencarian harta agar boleh ditindak sebagai amal sariah dan

mendidik anak untuk melahirkan generasi ummah bertakwa antara lain adalah kerja yang mesti dilakukan oleh seseorang zahid kerana semua itu tuntutan ajaran Islam yang dapat memberi manfaat besar untuk hidup akhirat.

Sikap hidup seperti inilah yang kerap diungkapkan sebagai al-dunya ma'ra'at al-akhirah (dunia adalah ladang untuk kehidupan akhirat) iaitu dalam pengertian bahawa hidup di dunia satu-satunya peluang yang mesti dipergunakan sebaik mungkin oleh manusia asalkan segala itu sesuai dengan ajaran Islam bagi merealisasikan cita-cita besarnya untuk mendapat kebahagiaan abadi dalam kehidupan akhirat.

Seterusnya, al-Ghazali sekali lagi menjelaskan syarat membolehkan seseorang zahid melaksanakan keruhudannya ialah apabila perkara yang dia hendak berzuhud (memalingkan kegemarannya) itu mestilah berada di bawah penguasaannya iaitu dalam pengertian dia mesti memiliki perkara itu.

Oleh itu, apabila Ibn al-Mubarak (seorang zahid yang hidup pada akhir abad kedua Hijrah) diberi pelajaran zahid,



**AL-HAQ**  
Sehul sepotong ayat

"Tidaklah mereka menyangka bahawa mereka akan dibangkitkan (hidup semula sesudah mati)?"

(Surah al-Mutaffifin, ayat 4)

beliau enggan menerimanya kerana kata beliau zahid itu ialah orang seperti khalifah Umar Abdul Aziz yang datang kepadanya kebendaan dunia namun dia tidak mengendalikannya.

Hal ini sesuai dengan kefahaman ulama bahawa sifat zuhud ialah sesuatu yang terpacak kukuh di hati iaitu dalam pengertian bahawa hati tidak tertambat dengan sesuatu yang bersifat keduniaan, sekalipun perkara dunia berada dalam genggaman.

Demikianlah sesungguhnya keseluruhan inti sari sikap hidup zuhud yang perlu dijadikan model hidup dan mesti direalisasikan dalam kehidupan harian setiap umat Islam.

Ia satu sikap yang mengutamakan hidup akhirat tanpa mengabaikan kehidupan di dunia malah menggunakan hidup dunia seluruhnya untuk kepentingan hidup akhirat yang lebih baik dan lebih kekal.

Dalam proses merealisasikan sikap hidup ini seseorang semestinya mengambil peluang yang terbenang dalam kehidupan dunia seumpama meneroka ilmu, mencari harta dan pelbagai kegiatan keduniaan yang lain namun hati orang berkenaan tidak tertambat dengan penghasilan keduniaan itu, malah dipergunakan semuanya untuk mendapatkan tuktaran kebahagiaan abadi dalam hidup akhirat.

Hal ini semuanya bermakna bahawa hidup dunia adalah satu pelaburan yang amat besar keuntungannya untuk akhirat kerana begitulah sesungguhnya ajaran Islam dalam kaitan dengan kehidupan.

Pemulis Prof Emeritus Ponggutan Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)